

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN HAJI AHMAD**  
**KAWASAN : MERSING**  
**TARIKH : 16 MAC 2016, RABU**

**SOALAN:**

**YB. DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN HAJI AHMAD minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan berapa peratus pemaju binaan telah mengguna pakai Sistem Bangunan Berindustri (IBS) serta bilakah ianya dapat dilaksanakan sepenuhnya di negara ini.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua;**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahap penggunaan Sistem Binaan Berindustri atau IBS di kalangan pemaju swasta negara ini masih lagi rendah dan belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembangunan Malaysia (CIDB) pada tahun 2014, didapati hanya 69 projek daripada jumlah sampel keseluruhan 493 projek swasta atau 14% sahaja yang menggunakan kaedah IBS dalam pelaksanaan projek mereka.

Sehubungan dari itu Kementerian Kerja Raya melalui CIDB telah mengadakan beberapa sesi konsultasi dengan pihak industri pembinaan mengenai pelaksanaan IBS dalam projek swasta. Dalam sesi-sesi tersebut, pihak industri pembinaan telah bersetuju untuk menggunakan kaedah IBS dalam pelaksanaan projek mereka dengan menetapkan projek bernilai RM50 juta dan ke atas diwajibkan mencapai 50 skor IBS mulai tahun 2017. Mekanisme pelaksanaan ini adalah melalui arahan kelulusan perintah pembangunan ('development order' - DO) di bawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan. Melalui cadangan ini, nilai skor IBS akan ditetapkan sebagai salah satu syarat wajib dalam memberi kelulusan 'development order'.

Di samping itu bagi tujuan untuk mempertingkatkan penggunaan IBS dalam industri pembinaan di negara ini, Kerajaan juga antara lain telah bersetuju seperti berikut:

- (1) Menetapkan koordinasi modular dijadikan sebagai piawaian dalam reka bentuk projek IBS;
- (2) Meningkatkan kadar levi bagi pekerja asing tidak mahir;
- (3) Menambah dan meluaskan kemudahan pinjaman kewangan kepada kontraktor IBS melalui Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK) bagi projek Kerajaan yang dilaksanakan oleh JKR;
- (4) Mewajibkan surat ikatan penyerahan hak antara kontraktor dengan pembekal IBS bagi projek Persekutuan yang dilaksanakan secara IBS;
- (5) Memperkenalkan modul IBS dalam silibus 'Technical Vocational Education and Training' (TVET); dan
- (6) Mewajibkan pengiklanan tender projek IBS Kerajaan dengan pengkhususan bidang IBS.

Akhir sekali, sebagai salah satu agenda nasional, Kerajaan menjangkakan sektor pembinaan melalui kaedah IBS di negara ini akan berkembang dengan lebih pesat setelah keputusan untuk mewajibkan penggunaan kaedah IBS dalam projek-projek swasta. Di samping itu pelbagai insentif juga yang telah ditawarkan Kerajaan seperti pengecualian levi kepada pemaju perumahan yang menggunakan lebih daripada 50 skor IBS. Ini diharap akan merangsang pertumbuhan industri, sekali gus meningkatkan permintaan dan pembekalan komponen IBS.

Sekian. Terima kasih.